

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
[BAGAN DATUK]**

SOALAN : NO. 70

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kriteria utama yang diambil kira dan dinilai oleh pihak Kementerian sebelum melantik mana-mana individu untuk menerajui Government Linked Company (GLC) di negara ini.

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

pelantikan Ahli Lembaga Pengarah (ALP) bagi syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) dibuat berdasarkan kepada hak pemegang saham sebagaimana yang digariskan dalam Akta Syarikat (pindaan) 2016 dan juga Memorandum & Association (M&A) syarikat. Dalam urusan pelantikan individu-individu yang bersesuaian untuk menerajui syarikat GLC ini, antara pertimbangan yang diambil kira adalah kelayakan, pengalaman dan kepakaran seseorang individu itu. Di samping itu, individu berkenaan perlu melepasi tapisan keutuhan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), bebas dari muflis oleh Jabatan Insolvensi Malaysia dan mempunyai rekod kewangan yang bersih oleh CTOS dan CCRIS.

Pelantikan pegawai kanan bagi syarikat GLC pula dibuat melalui pertimbangan dan persetujuan Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran syarikat. Antara kriteria yang diambil kira bagi pelantikan pegawai kanan syarikat GLC adalah dari segi kelayakan, kualiti peribadi individu tersebut dan pengalaman dalam industri yang berkaitan. Sekian, terima kasih.